

05 NOV 2000

CALON BN P/RAYA KECIL LUNAS DITENTUKAN MINGGU DEPAN

ALOR SETAR, 5 Nov (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas akan ditentukan minggu depan, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, hari ini.

Syed Razak yang juga Pengerusi BN negeri berkata mesyuarat khas membincangkan soal calon dan persiapan menghadapi pilihan raya kecil itu akan diadakan dalam masa beberapa hari lagi.

"Selepas mesyuarat, kita akan memajukan perkara berkenaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan penghulu-penghulu di negeri Kedah, di sini.

Kerusi Lunas kosong berikutan kematian wakil BN Dr Joe Fernandez yang mati ditembak di Bukit Mertajam, semalam.

Ditanya adakah BN akan terus mengekalkan wakil MIC di kerusi berkenaan beliau berkata perkara berkenaan akan diputuskan pada mesyuarat khas itu nanti.

-- BERNAMA
MZM/ZZ FAZ